

29 JAN 1998

Mahathir-Temubual

SAYA TIDAK LAGI MEMPUNYAI KEBEBASAN UNTUK BERCAKAP, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya yang beliau telah kehilangan kebebasan untuk bercakap berikutan kritikan beliau terhadap negara-negara Barat mengenai masalah mata wang di rantau ini.

Dalam satu temubual di Kuala Lumpur dengan Greg Sheridan, pengarang berita luar negeri akhbar "The Australian" Dr Mahathir berkata: "Adalah dilaporkan bahawa saya sudah mengurangkan kritikan-kritikan. Ianya dilakukan kerana takut. Adalah tidak selamat lagi untuk bercakap dan memberi pandangan."

"Jika anda tersilap menyebut sesuatu, anda akan dihukum secara kejam dengan penurunan dalam nilai mata wang. Oleh itu kini adalah amat sukar untuk saya bercakap."

"Sekarang kami kekurangan kebebasan untuk bercakap. Adalah dikatakan bahawa terdapat hubungkait antara pendapat yang diutarakan ataupun sesuatu yang dibuat dengan penyusutan nilai mata wang."

"Nilai mata wang susut, banyak kehilangan pekerjaan, orang ramai derita. Ia adalah suatu hukuman yang berat terhadap seluruh negara."

"Saya rasa tidak ada pemimpin yang mahu bercakap sesuatu yang boleh membawa hukuman...bukan untuk diri pemimpin itu tetapi terhadap masyarakatnya."

Menurut laporan akhbar itu lagi, Mahathir percaya Malaysia telah melepasi krisis mata wang dengan lebih baik daripada kebanyakan negara lain di rantau ini, sambil menekankan bahawa Malaysia tidak perlu meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Dr Mahathir yang juga pengerusi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) untuk 1998 memberitahu Sheridan bahawa Forum APEC kemungkinan sukar mencapai sebarang keputusan dalam menangani kegawatan ekonomi di Asia.

APEC mempunyai potensi mencapai sesuatu kerana Amerika Syarikat merupakan anggota APEC dan mereka mempunyai kuasa untuk melaksanakan banyak perkara.

Bagaimanapun, Dr Mahathir kurang yakin akan kemampuan Washington untuk membantu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Sheridan dalam satu temubual yang disiarkan semalam bahawa krisis mata wang di rantau Asia akan menyebabkan kurangnya "kapitalsime suku-sakat." -- BERNAMA

NDC MR DC